

Masa depan Keadilan gelap: Dr Mahathir

BH 21 JAN 2002 ●

Rakyat mula sedar bahawa perjuangan Keadilan semata-mata berpaksikan kepada kepentingan individu

Oleh Norbakti Alias dan Hassan Omar

ALOR STAR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menghadapi masa depan gelap berikutan kehilangan sokongan rakyat seperti yang terbukti pada pilihan raya kecil Indera Kayangan, Perlis semalam.

Perdana Menteri berkata, rakyat yang sebelum ini terpedaya dengan dakyah Keadilan, kononnya kerajaan mengamalkan pelbagai sifat negatif, kini mula sedar bahawa perjuangan Keadilan hanya berpaksi kepada perjuangan untuk kepentingan individu.

Sehubungan itu, kata Dr Mahathir, tindakan beberapa pemimpin Keadilan sama ada pada peringkat nasional atau negeri meninggalkan parti akan menyebabkan Keadilan terus lemah, sekali gus tidak mampu memperoleh mandat rakyat.

Bagaimanapun, kata beliau, ahli Keadilan yang ingin menyertai Umno atau parti komponen Barisan Nasional (BN) lain, harus ikhlas demi perjuangan BN untuk memajukan negara, bukan kerana didorong kepentingan lain.

"Keadilan menghadapi masa depan yang gelap. Ramai ahli, malah pemimpin mereka meninggalkan Keadilan. Kita tidak boleh menubuhkan parti yang cuba mendapatkan sokongan rakyat, tetapi dengan menggadai masa depan mereka.

"Kita hendak ahli Keadilan yang ingin menyertai Umno sedar apa sebenarnya asas penubuhan Keadilan. Apakah benar tidak ada keadilan atau kerana ada orang yang cekap memanipulasi pengikutnya hingga mereka tidak ambil kira, benar atau tidak benar.

"Ramai ahli Keadilan akan meninggalkan Keadilan. Sama ada mereka menyertai Umno atau parti lain, itu soal lain. Yang penting, jangan biarkan diri mereka ditipu," katanya pada sidang akhbar sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Sultan Abdul Kalim. Kepala Batas dekat sini, hari ini.

Perdana Menteri dan isteri, datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghadiri majlis penganugerahan darjah dan bintang kebesaran sempena ulang tahun keputeraan Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah yang ke-74, di Istana Anak Bukit, di sini.

Selain itu, Dr Mahathir juga meluangkan masa meninjau projek pembinaan Taman Tema Air yang dimajukan Darulaman Realty Sdn Bhd di Bandar Darulaman, Jitra.

Perdana Menteri turut meluangkan masa melawat pejabat Kelab Penerbangan Kedah (KFC) di lapangan terbang berkenaan.

Pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan

Rakyat mula sedar hanya BN mampu berkhidmat

DARI MUKA 1

semalam, calon BN, Ooi Ah Lan menewaskan calon Keadilan. Khoo Yang Chong dengan majoriti 2,592 undi, bertambah 618 undi berbanding pilihan raya umum 1999.

Dr Mahathir berkata, kejayaan besar BN itu bukan setakat membuktikan kemantapan sokongan rakyat terhadap kerajaan, malah petanda positif untuk BN menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, kemampuan BN mengekalkan kerusi berkenaan juga memberi isyarat jelas rakyat kembali sedar hanya BN yang mampu memberikan perkhidmatan kepada mereka, sekali gus menolak pembangkang yang tidak mampu melakukan apa-apa, selain menuduh kerajaan dengan pelbagai tohmahan.

"Dari sekarang hingga pilihan raya umum, belum tentu apa yang akan berlaku, tetapi ada petanda Keadilan tidak lagi menarik sokongan dan tidak boleh diperalatkan untuk kepentingan Pas.

"Kita lihat dengan adanya Keadilan, yang dapat tambahan Wakil Rakyat adalah Pas hingga mereka da-

pat mengatasi DAP sebagai ketua pembangkang. Pas memang cekap dalam usaha, ini," katanya.

Diminta mengulas kepvataan Naib Presiden Keadilan, Azmin Ali, Keadilan menerima peningkatan undi kaum Cina sebanyak 13 peratus, berbanding 20 peratus yang dicatatkan pada pilihan raya umum 1999, Dr Mahathir berkata, kenyataan itu tidak benar kerana Keadilan ternyata tewas teruk.

"Itu angan-angan dia. Macam mana dia tahu ada peningkatan? Suruh dia bilanglah, sedangkan dia kalah lebih banyak daripada dulu?" katanya.

Mengenai dakwaan Azmin kononnya BN menggunakan pengundi hantu pada pilihan raya Indera Kayangan, Dr Mahathir berkata, kenyataan itu lahir daripada orang yang kecewa kerana tewas.

"Mereka lupa (pilihan raya kecil) Lunas. Mereka masuk dengan 30,000 orang ke Lunas dan tidak membenarkan orang lain masuk.

"Tunjukkanlah kalau ada pengundi hantu. Mereka boleh bawa ke mahkamah. Kalau mereka kalah, mereka kata kerajaan manipulasi mahkamah, tetapi kalau menang, mereka kata mahkamah baik," katanya.